

06/10/1997

Rakyat miskin akan terus dibela

JAMINAN Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa semua program pembangunan bagi membasmi kemiskinan diteruskan dalam Belanjawan 1998, meyakinkan kita bahawa kerajaan tetap mengambil berat masalah rakyat, meskipun mengalami sedikit gangguan ekonomi akibat kejatuhan nilai ringgit Malaysia. Meskipun kita berpendapat semua projek yang dilaksanakan sama ada projek mega atau projek luar bandar, mempunyai kaitan secara langsung dengan usaha menaikkan taraf sosioekonomi rakyat, namun projek khusus yang menetapkan sasaran mutlak untuk membantu rakyat miskin, akan dilaksanakan seperti biasa.

Memang sukar kita membezakan antara projek bermodal besar dan projek untuk rakyat dalam konteks untuk memasmi kemiskinan. Ini kerana projek besar seperti pembinaan lebuh raya, secara langsung adalah juga sebahagian usaha menaikkan taraf hidup masyarakat keseluruhannya. Tanpa lebuh raya dan jalan raya yang baik, hasil keluaran rakyat sukar dipasarkan. Pembinaan kilang pula memberi peluang pekerjaan kepada rakyat. Hari ini, industri pembuatan menyediakan peluang pekerjaan yang besar kepada rakyat. Masyarakat luar bandar bukan saja mempunyai pendapatan tetap, malah kehidupan mereka terjamin. Tanpa projek pembinaan pula, bermakna peluang rakyat bekerja akan berkurangan. Oleh itu, rakyat tidak seharusnya bimbang dengan kemungkinan terlalu banyak projek yang akan ditangguhkan. Penangguhan sesuatu projek hanyalah bergantung kepada keutamaannya saja. Jika ia difikirkan boleh ditangguhkan, ia akan dilakukan. Sebaliknya, jika difikirkan, penangguhan itu tidak memberi kesan yang besar, ia mungkin diteruskan.

Bolehlah dikatakan bahawa dalam merealisasikan program untuk rakyat miskin ini, kita percaya kerajaan tidak mengambil kira sebarang faktor ekonomi yang melanda negara hari ini. Oleh itu, rakyat miskin tidak seharusnya bimbang terhadap tekanan yang mungkin mereka hadapi. Kerajaan tidak akan membiarkan hidup mereka terhimpit dalam apa keadaan sekali pun. Jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan menangani masalah itu dengan sebaik mungkin, seharusnya diyakini. Jika kerajaan tidak panik dengan keadaan hari ini, rakyat seharusnya terus memberi kepercayaan kepada kerajaan untuk memulihkan keadaan seperti sedia kala.

Jika selama ini ada peruntukan atau pinjaman untuk memberi bantuan kepada rakyat miskin untuk meningkatkan taraf hidup mereka, kita menjangkakan tidak ada pengurangan yang akan dilakukan. Belanjawan 1998 yang akan dibentangkan pada 17 Oktober ini, akan memberi jawapan muktamat mengenainya. Jika ada daerah yang dikenal pasti, perlu dibantu dengan pelbagai projek yang boleh menaikkan taraf hidup rakyat, ia akan dilakukan. Mereka akan digalakkan menyertai program sinergi yang dilaksanakan menerusi pelbagai agensi dan sektor swasta termasuk program pembangunan ekonomi desa dan program pemodenan desa. Peruntukan sewajarnya juga disediakan untuk melaksanakan program Kemajuan Masyarakat (Kemas) dan program Bakti Desa.

Begitu juga dalam usaha membantu golongan ini, kerajaan tidak akan menangguhkan program memindahkan rakyat miskin ke tanah rancangan seperti Felcra, Risda, Kesedar dan sebagainya. Dr Mahathir sendiri sudah mengarahkan supaya mempergiatkan lagi program pemindahan penduduk miskin ke dalam projek-projek pembangunan tanah. Pada masa ini empat negeri mempunyai kadar rakyat miskin tertinggi mengikut Ketua Isi Rumah (KIR)

iaitu Kelantan (12,874), Terengganu (8,634), Kedah (5,650) dan Perak (3,145). Kita berharap usaha yang lebih akan dilakukan bagi membantu kumpulan ini.

Dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada rakyat, kita menganggap ia menjadi janji kerajaan bahawa nasib rakyat miskin tetap dibela. Kita melihat banyak kementerian turut terbabit dalam melaksanakan program membasmi kemiskinan. Kementerian Pendidikan umpamanya menyediakan bantuan pendidikan kepada golongan yang memerlukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar melaksanakan program untuk rakyat desa, Kementerian Pembangunan usahawan dan Kementerian Sumber Manusia memberi kemudahan latihan kemahiran, Kementerian Kesihatan untuk program kurang zat makanan bagi kanak-kanak dan program bekalan air manakala Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyediakan kemudahan bantuan kepada golongan tua dan cacat. Kita berharap kementerian terbabit peka terhadap program yang mereka anjurkan bagi memastikan tidak ada pengurangan peruntukan untuk program berkenaan. Tentunya, agensi kerajaan dan badan berkanun yang lain tidak akan mengabaikan tanggungjawab mereka.

(END)